



**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS
TUGAS KHAS)**

KENYATAAN MEDIA

KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI MONSUN TIMUR LAUT (MTL)

Pada hari ini saya telah berkesempatan untuk melawat Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Semantan, Temerloh, Pahang, yang telah mula beroperasi pada 8 Disember 2022. PPS ini memberi perlindungan kepada 346 mangsa daripada 108 Ketua Isi Rumah (KIR). Kebanyakan daripada mangsa di PPS ini adalah daripada penduduk komuniti Kampung Batu Kapor.

Untuk makluman, daripada 11 daerah di Pahang, saya difahamkan daerah Temerloh mempunyai paling banyak kawasan berisiko banjir iaitu sebanyak 124 kawasan meliputi 22% dari jumlah keseluruhan kawasan berisiko di negeri Pahang yang berjumlah sebanyak 554 kawasan.

Berdasarkan laporan di seluruh negara, sehingga jam 8 pagi, 13 Disember 2022, bilangan negeri yang terkesan banjir kekal lima (5) yang melibatkan 14 daerah. Berikut adalah pecahan mengikut negeri dan bilangan daerah:

- Perak (3), Johor (1), Kelantan (1), Terengganu (6) dan Pahang (3)

Jumlah keseluruhan mangsa adalah seramai 2,802 orang daripada 845 KIR direkodkan berada di 23 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Sejak bermulanya Monsun Timur Laut (MTL) pada awal November lalu, semua negeri yang terkesan telah dapat menguruskan keadaan dengan baik. Saya berharap momentum ini akan berterusan memandangkan kita baru sahaja melalui Luruan Monsun yang pertama. Berdasarkan ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), dijangkakan akan berlaku 4 hingga 6 episod Luruan Monsun sepanjang MTL ini.

Selaku agensi pengurusan bencana pusat, NADMA telah menyelaras arahan agar semua Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dapat mengkoordinasi semua fasiliti berkaitan pengurusan bencana dari aspek logistik dan aset berada dalam keadaan siap siaga. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) merupakan sekretariat bagi kedua-dua jawatankuasa tersebut.

Manakala di peringkat daerah pula, data terperinci seperti senarai nama penduduk yang memerlukan perhatian khusus seperti orang kurang upaya (OKU), warga emas, wanita mengandung dan lain-lain sentiasa dikemaskini bagi membantu kelancaran proses pemindahan mangsa-mangsa apabila berlakunya banjir.

Penduduk yang berada di lokasi terjejas banjir dinasihatkan untuk menjaga keselamatan dan tidak bertanggung untuk berpindah ke PPS sekiranya menerima arahan daripada pihak berwajib bagi mengelak berlakunya sebarang kejadian yang tidak diingini.

Berdasarkan Akta Pertahanan Awam Malaysia 1952 (Akta 221) APM berhak mewajibkan penduduk yang terjejas dengan banjir untuk berpindah ke PPS.

Masyarakat turut diingatkan untuk sentiasa peka serta patuh kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan segera berpindah sekiranya diarahkan. Pastikan anda rujuk maklumat terkini dari sumber yang sahih.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat dan amaran semasa Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) melalui laman web publicinfobanjir.water.gov.my, [facebook @PublicInfoBanjir](https://www.facebook.com/PublicInfoBanjir) dan [twitter @JPS InfoBanjir](https://twitter.com/JPS_InfoBanjir). Maklumat cuaca terkini MET Malaysia boleh dilayari melalui laman web rasmi Jabatan www.met.gov.my, aplikasi mobil [myCuaca](https://play.google.com/store/apps/details?id=com.mymet) dan laman media sosial rasmi Jabatan. Talian hotline MET Malaysia 1-300-22-1638 boleh dihubungi bagi sebarang pertanyaan lanjut.

Untuk maklumat lanjut berhubung kejadian bencana di seluruh negara, sila layari; portalbencana.nadma.gov.my/ms/laporan, [facebook @Agensi Pengurusan Bencana Negara](https://www.facebook.com/AgensiPengurusanBencanaNegara) dan [twitter @NADMA Malaysia](https://twitter.com/NADMA_Malaysia).

Sekian.

DATUK ARMIZAN MOHD ALI

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

(Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas)

13 Disember 2022